

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 23 Tahun 2020

PEKELILING ARAHAN PENTADBIRAN BERKENAAN KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19 UNTUK WARGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan mengenai Arahan Pentadbiran Berkenaan Kawalan dan Pencegahan Penularan COVID-19 untuk warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2.0 LATAR BELAKANG

Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengambil maklum perkembangan terkini mengenai penularan jangkitan COVID-19 berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Berikutan penularan wabak COVID-19 yang masih aktif, peningkatan kes serta kluster dan kes positif COVID-19 yang mempunyai sejarah perjalanan dari Sabah. Pihak UiTM sangat mengambil berat kesihatan dan keselamatan warga UiTM serta masyarakat secara umumnya.

Mengambil kira situasi semasa dan merujuk kepada pemakluman terkini daripada KKM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (merujuk kepada kenyataan akhbar Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 26 September 2020 dan juga kenyataan media Menteri Pengajian Tinggi bertarikh 27 September 2020), pihak UiTM mengeluarkan arahan pentadbiran terkini berkenaan kawalan dan pencegahan berkaitan penularan COVID-19 untuk warga UiTM.

3.0 PELAKSANAAN

Semua warga UiTM iaitu staf (tetap/ kontrak/ harian/ Part Time Full Time/ Pekerja Sambilan Harian) dan pelajar adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:

3.1 Urusan Kemasukan Warga UiTM Dari Negeri Berisiko

- 3.1.1 Semua staf dan pelajar UiTM dari **negeri Sabah atau dari daerah-daerah berisiko tinggi COVID-19** iaitu daerah-daerah di Malaysia yang sedang mengalami penularan aktif wabak jangkitan COVID-19 dan diisytiharkan **zon merah** sepertimana yang dimaklumkan oleh KKM mengikut situasi semasa adalah dinasihatkan untuk **tidak**

memasuki kampus-kampus UiTM di daerah-daerah tidak berisiko tinggi COVID-19 (daerah diisytiharkan zon hijau dan zon kuning).

- 3.1.2 Bagi staf dan pelajar UiTM yang tidak dapat menangguhkan perjalanan dari negeri Sabah, warga terbabit adalah diarahkan untuk mematuhi arahan terkini yang telah dikeluarkan oleh KKM (rujuk kenyataan akhbar Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 26 September 2020) termasuk pelaksanaan ujian saringan pengesanan COVID-19.
- 3.1.3 Merujuk kepada perkara 3.1.2, staf dan pelajar dari negeri Sabah adalah dikehendaki untuk menjalani kuarantin sehingga keputusan ujian makmal diperolehi dan menunjukkan negatif jangkitan COVID-19. Walaupun keputusan ujian pengesanan COVID-19 adalah negatif, warga terbabit tetap **tidak dibenarkan untuk masuk ke kampus UiTM** dan diarahkan untuk menjalani isolasi di rumah (*home surveillance*) **selama tempoh 14 hari** dari tarikh ketibaan di daerah tidak berisiko tinggi COVID-19.
- 3.1.4 Semua staf dan pelajar dari daerah-daerah berisiko tinggi COVID-19 (zon merah) yang tidak dapat menangguhkan perjalanan dari zon merah juga adalah **tidak dibenarkan untuk masuk ke kampus UiTM** dan diarahkan untuk menjalani isolasi di rumah (*home surveillance*) **selama tempoh 14 hari** dari tarikh ketibaan di daerah tidak berisiko tinggi COVID-19.
- 3.1.5 Bagi pelajar-pelajar baharu, anda dikehendaki untuk melaksanakan pendaftaran secara dalam talian. Semua pelajar (baharu dan lama) dari negeri Sabah dan dari daerah-daerah berisiko tinggi COVID-19 (zon merah) adalah diminta untuk meneruskan pengajian secara ODL (*Online Distance Learning*). **Pertemuan secara bersemuka adalah ditangguhkan.**
- 3.1.6 Bagi lapor diri staf baharu, urusan lapor diri hendaklah dilaksanakan secara dalam talian. **Pertemuan secara bersemuka adalah ditangguhkan.**
- 3.1.7 Semua staf dan pelajar terbabit (UiTM Shah Alam) perlu memaklumkan segera kepada Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam melalui e-mel pusatkesihatan@uitm.edu.my atau melalui *WhatsApp* di talian 03-55443984/ 011-35743984 manakala warga UiTM Kampus Cawangan diminta untuk memaklumkan kepada Unit Kesihatan UiTM Kampus Cawangan di talian masing-masing (rujuk lampiran disertakan).
- 3.1.8 Staf dan pelajar terbabit juga adalah dikehendaki untuk memaklumkan segera kepada pihak pengurusan fakulti/ kolej atau pusat tanggungjawab masing-masing.
- 3.1.9 Surat arahan/ pelepasan isolasi oleh Pusat Kesihatan UiTM/ Unit Kesihatan UiTM Kampus Cawangan boleh diperolehi dari pusat/ unit berkenaan selepas tamat tempoh isolasi.

- 3.1.10 Staf terbabit dikehendaki memohon Cuti Kuarantin melalui sistem HR2U dengan mengemukakan surat arahan kuarantin yang dikeluarkan oleh KKM atau surat arahan/ pelepasan isolasi yang dikeluarkan oleh Pusat Kesihatan UiTM/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan UiTM.
- 3.1.11 Sebarang implikasi kos isolasi di rumah (*home surveillance*) termasuk perjalanan, penginapan dan makanan selama tempoh 14 hari tidak akan ditanggung oleh UiTM.

3.2 Urusan Perjalanan Warga UiTM Ke Negeri Berisiko

- 3.2.1 Semua staf dan pelajar UiTM di daerah-daerah tidak berisiko tinggi COVID-19 di Malaysia (zon kuning dan zon hijau) adalah dikehendaki untuk **menangguhkan perjalanan** ke negeri Sabah dan ke daerah-daerah berisiko tinggi COVID-19 (zon merah) di Malaysia. Penangguhan ini adalah termasuk semua perjalanan yang telah mendapat kelulusan Naib Canselor atau Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum ini.
- 3.2.2 Bagi pelajar-pelajar baharu UiTM Sabah, anda dikehendaki untuk melaksanakan pendaftaran secara dalam talian. Semua pelajar (baharu dan lama) UiTM Sabah dari daerah-daerah tidak berisiko tinggi COVID-19 (zon kuning dan zon hijau) adalah diminta untuk meneruskan pengajian secara ODL (*Online Distance Learning*). **Pertemuan secara bersemuka adalah ditangguhkan.**
- 3.2.3 Bagi lapor diri staf baharu, urusan lapor diri hendaklah dilaksanakan secara dalam talian. **Pertemuan secara bersemuka adalah ditangguhkan.**
- 3.2.4 Semua aktiviti yang dirancang untuk dijalankan di Sabah atau di daerah-daerah berisiko tinggi COVID-19 (zon merah) hendaklah **ditangguhkan** sementara waktu termasuk aktiviti yang telah mendapat kelulusan Naib Canselor atau Ketua PTJ sebelum ini.
- 3.2.5 Sebarang implikasi kos disebabkan pembatalan atau penangguhan perjalanan ke negeri-negeri berisiko tidak akan ditanggung oleh UiTM.

3.3 Nasihat Kesihatan

- 3.3.1 Semua warga UiTM perlu mengamalkan kebersihan diri yang baik serta mematuhi langkah-langkah kesihatan dan keselamatan seperti yang disarankan oleh pihak KKM dan WHO.
- 3.3.2 **Elakkan 3S/3C:** iaitu kawasan **Sesak** (*Crowded place*), kawasan **Sempit** (*Confined space*) dan elakkan **Sembang** dengan jarak dekat (*Close conversation*).

3.3.3 **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun dengan cara yang betul (**Wash**), memakai alat pelitup muka (**facemask**) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (**Wear**) dan patuhi amaran (**Warn**) dari pihak KKM seperti:

- Elak bersentuhan atau bersalaman dengan apa-apa kaedah termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan bersalaman;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan jika bergejala;
- Duduk di ruang kerja masing-masing dan elakkan pergerakan di sekitar tempat kerja tanpa tujuan;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan ruang kerja yang kerap disentuh.

3.3.4 Patuhi **norma baharu kehidupan** seperti:

- Semua syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan oleh KKM/ MKN;
- Orang yang berisiko tinggi seperti bayi, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi;
- Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa sekurang-kurangnya 1 meter.

3.3.5 Semua warga UiTM juga perlu mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 melalui sistem SaringC19UiTM secara dalam talian setiap hari dan *check-in* di setiap pintu masuk bahagian/unit di UiTM dengan mengimbas QR Code menggunakan aplikasi MySejahtera dan SaringC19UiTM.

Pihak UiTM akan terus memantau perkembangan wabak ini serta menyalurkan maklumat terkini dari semasa ke semasa. Sebarang pertanyaan mengenai arahan ini boleh dikemukakan kepada:

- (i) Bilik Gerakan Utama COVID-19 UiTM - Waktu Pejabat: 8:00 pagi – 5:00 petang (Tel: 03-55447893); selepas waktu pejabat: (*Whatsapp*:011-20742823).
- (ii) Bilik Gerakan Pusat Kesihatan UiTM – Waktu Pejabat: 8:00 pagi – 5:00 petang (Tel: 03-55443983/ 3984/ 3985/ 3986); selepas waktu pejabat: (*Whatsapp*: 03-55443984/ 011-3573984).
- (iii) Dr. Zaiton Nasir, Pengarah Pusat Kesihatan UiTM (Tel: 03-55443631/ 019-2210060; emel: zai@uitm.edu.my)
- (iv) Dr Shairul'azam Sahar, Ketua Unit Perubatan, PK UiTM (Tel: 03-5544629, emel: shair393@uitm.edu.my)
- (v) Dr Nurfazlinda Md Shah, Ketua Unit Kesihatan Awam, PK UiTM (Tel: 03-55443823/ 019-2726949); emel: nurfa898@uitm.edu.my)

- (vi) Semua Bilik Gerakan Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN) dan Unit Kesihatan UiTM Kampus Cawangan (rujuk lampiran disertakan).

4.0 TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling dikeluarkan pada **28 September 2020**.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **28 September 2020**.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga (staf dan pelajar) Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 6.2 Tempoh pelaksanaan arahan ini adalah tertakluk kepada perkembangan terkini wabak COVID-19 dan arahan KKM serta MKN.
- 6.3 Kegagalan staf atau pelajar mematuhi pekelling ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM
Naib Canselor

Salinan Kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar
Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej
Semua Staf UiTM
Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail : 500-HEP(PK.12/1/7) JILID 2
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 23*

NO BILIK GERAKAN JAWATANKUASA OPERASI BENCANA NEGERI DAN UNIT KESIHATAN UITM KAMPUS CAWANGAN

Bil	Kampus	Bilik Gerakan COVID-19 UITM Kampus Cawangan	Unit Kesihatan UiTM Kampus Cawangan
1	UiTM Cawangan Selangor (UCS)		
i.	Kampus Puncak Alam		03-32584131
ii.	Kampus Puncak Perdana		03-79622344
iii.	Kampus Sungai Buloh		016-2632207
iv.	Kampus Dengkil		03-89245797/ 5781
2	UiTM Cawangan Melaka		
i.	Kampus Alor Gajah		06-5582062
ii.	Kampus Bandaraya Melaka		06-2821711
iii.	Kampus Jasin		06-2645732
3	UiTM Cawangan Negeri Sembilan		
i.	Kampus Kuala Pilah	06-6342818	06-4832274/ 2276
ii.	Kampus Seremban	-	06-6342784
iii.	Kampus Rembau	-	06-6982309
4	UiTM Cawangan Pahang		
i.	Kampus Jengka	09-4602050	09-4602168
ii.	Kampus Raub	-	09-3515797/ 5792
5	UiTM Cawangan Johor		
i.	Kampus Segamat	07-9352386	07-9352053
ii.	Kampus Pasir Gudang	-	07-3818710/ 8715
6	UiTM Cawangan Terengganu		
i.	Kampus Kuala Terengganu		09-6216643/ 6626
ii.	Kampus Bukit Besi		09-8335235
iii.	Kampus Dungun		09-8400340
7	UiTM Cawangan Kelantan		
i.	Kampus Machang	09-9762006	09-9762102/ 9762019
ii.	Kampus Kota Bharu	-	09-7417785/ 86
8	UiTM Cawangan Perlis		
i.	Kampus Arau	04-9882222	04-9882423/ 04-9882425/ 04-9882075
9	UiTM Cawangan Pulau Pinang		
i.	Kampus Permatang Pauh	04-3822999	04-3822850/ 2799
ii.	Kampus Bertam	-	04-5623444
10	UiTM Cawangan Kedah		
i.	Kampus Merbok	04-4562021	04-4562307/ 2308
11	UiTM Cawangan Perak		
i.	Kampus Seri Iskandar	05-3742304	05-3742079
ii.	Kampus Tapah	-	05-4067185
12	UiTM Cawangan Sabah		
i.	Kampus Kota Kinabalu		088-325443
13	UiTM Cawangan Sarawak		
i.	Kampus Samarahan	082-677243/4/5	082-677816/ 820
ii.	Kampus Samarahan 2	-	082-678569